



**NOTIS SEBUT HARGA  
PERBADANAN PUTRAJAYA**

No. Sebut Harga : PPj/SH(S)/JK/58/2023

**TAJUK SEBUT HARGA:**

**PELAWAAN BAGI PERKHIDMATAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR ALAT TULIS DAN BEKALAN PEJABAT UNTUK STOR PUSAT PERBADANAN PUTRAJAYA, PRESINT 3, PUTRAJAYA BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN.**

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada **Kontraktor Bumiputera** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM/MOF)** beralamat di Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor sahaja bawah **Kod Bidang 020601 – Bekalan Pejabat dan Alat Tulis dan 010201 – Kertas** yang mempunyai pengalaman bagi perkhidmatan membekal dan menghantar alat tulis dan bekalan pejabat.
2. Taklimat Sebut Harga akan diadakan pada **4 Ogos 2023 (JUMAAT)**, jam 10.00 pagi di **Bilik Mesyuarat Bakawali, Aras 5, Blok B, Kompleks PPj**. Kehadiran individu yang diberi kuasa oleh syarikat bagi urusan Perolehan Kerajaan sepertimana dalam **Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan** adalah **DIWAJIBKAN** (sila bawa bersama **Sijil Akuan Pendaftaran, Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera Kementerian Kewangan** dan **Cap Syarikat**).
3. Dokumen Sebut Harga boleh didapati semasa waktu pejabat pada **4 Ogos 2023 (JUMAAT)** hingga **8 Ogos 2023 (SELASA)** dengan bayaran secara tunai sebanyak **RM10.00** di **Kaunter Jualan Tender / Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya**.
4. Dokumen Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada **Kontraktor/Syarikat** yang menghadiri taklimat tersebut dan hanya wakil **Kontraktor/Syarikat** yang sah sahaja dibenarkan untuk mengambil dokumen. **Kontraktor/Syarikat** hendaklah membawa **satu (1) salinan Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan dan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera Kementerian Kewangan**. Wakil **Kontraktor/Syarikat** adalah **diwajibkan** untuk membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani oleh individu yang diberi kuasa oleh syarikat bagi urusan Perolehan Kerajaan sepertimana dalam **Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan** untuk membeli dokumen Sebut Harga.
5. Semua Borang Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan ke alamat seperti di atas sebelum jam **12.00 tengah hari** pada **11 Ogos 2023 (JUMAAT)**.
6. **Kontraktor/Syarikat** yang hadir ke taklimat dan berurusan di kaunter perlulah mematuhi **S.O.P** yang telah ditetapkan. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi **Seksyen Pengurusan Perolehan** di talian **03-8887 7708** atau e-mel ke [spp@ppj.gov.my](mailto:spp@ppj.gov.my).
7. Kenyataan notis ini turut boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat <http://www.ppj.gov.my> dan portal MyPROCUREMENT <https://myprocurement.treasury.gov.my>.

**( SHAMSHUL JOEHARI BIN ZAINAL MOKHTAR )**  
NAIB PRESIDEN  
Jabatan Perkhidmatan Korporat  
Perbadanan Putrajaya